

# Ijazah MBA AeU lonjakkan kerjaya

**GOLONGAN** bekerja yang mempunyai kerjaya tetap tentu sukar membahagikan masa jika merancang untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat pascasiswazah. Percaturan masa untuk belajar ketika bekerja adalah antara perkara paling sukar untuk dilakukan.

Menyedari hakikat itu, Asia e Universiti (AeU) komited menawarkan pengalaman pengajian pascasiswazah terbaik bagi golongan bekerja terutama mereka yang berkeluarga dan memiliki waktu bekerja terhad.

Sarjana Pengurusan Perniagaan (MBA) di AeU merupakan program pascasiswazah yang telah direka untuk memenuhi keperluan serta cara hidup golongan bekerja dan profesional terutama yang berhasrat untuk meneruskan kerjaya atau tangga gaji. Program MBA yang disediakan ini cukup unik kerana sifatnya yang relevan, berintensif industri dan fleksibel.

Program MBA ini menekankan kepada aplikasi pengetahuan perniagaan yang komprehensif selain daripada kecemerlangan dalam pembelajaran. Program ini direka untuk menjana kebolehan dan memperkasakan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan melalui pembentukan portfolio pelajar.

Selain itu, ia juga untuk melengkapkan pelajar dengan konsep teori dan analisis yang menyediakan mereka bagi mengharungi cabaran serta menangani kompleksiti dunia perniagaan yang semakin dinamik dan global.

Program yang ditawarkan melalui sekolah pengurusan ini mengetengahkan beberapa pengkhususan seperti perniagaan antarabangsa, keusahawanan, kewangan dan perbankan Islam serta pengurusan risiko.

“Program MBA kami mendedahkan para pelajar dengan permasalahan, isu-isu serta cabaran-cabaran sebenar di tempat kerja, melalui pendekatan dalam aplikasi projek serta pembelajaran berdasarkan masalah (*problem-based*).

“Carini akan meningkatkan skil kepimpinan, perancangan strategik, komunikasi dan pengurusan projek,” kata Dekan Sekolah Pengurusan AeU, Prof. Datuk Dr. Sayed Mushtaq Hussain.

Di samping itu, kaedah pengajian MBA juga cukup fleksibel iaitu ditawarkan secara e-pembelajaran sama ada sepenuh masa dan separuh masa menerusi kaedah pembelajaran teradun yang meliputi pembelajaran kendiri, pembelajaran langsung dalam talian dan pengajian bersama-sama.

Program tersebut dijalankan antara 18 hingga 24 bulan meliputi lima semester dan turut disertakan kelas bersama fasilitator akademik untuk setiap subjek sekali dalam sebulan yang selanjutnya diadakan pada hujung minggu. Terdapat enam subjek tesis dan 12 subjek elektif yang boleh dipilih oleh pelajar berdasarkan bidang yang diminati.

**GRADUAN** MBA yang berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan mempunyai kelebihan semasa penilaian kenaikan pangkat.

Seiring dengan konsep e-pembelajarannya, AeU mewujudkan Portal khas iaitu *Personalised Learning Space* (myPLS) bagi membolehkan para pelajar mengakses dan memuat turun bahan pembelajaran berdigital lebih awal pada bila-bila masa di mana saja mereka berada.

## Apa kata pelajar

“Program MBA yang sangat fleksibel memudahkan saya membahagikan masa antara kerja, belajar dan keluarga. Pembelajaran seumpama ini sangat sesuai untuk wanita berkerjaya yang sudah memiliki keluarga sendiri.”

- **Sandar Hnin**, graduan MBA yang kini berkerja sebagai Ketua Unit di sebuah institusi swasta.



**KAEDAH** pengajian MBA di AeU cukup fleksibel dan boleh dilikuti secara e-pembelajaran.



## INFO

**PENDAFTARAN** untuk sesi pengajian bulan Januari 2014 masih dibuka sehingga 25 Januari 2014 tidak kira secara pendaftaran atas talian, mendaftar di kaunter pendaftaran di Kampus Induk, Kuala Lumpur atau di mana-mana Pusat Pembelajaran AeU di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut, sila temui kami di Hari Previu AeU pada 25 Januari 2013 di Kampus Induk AeU, Kuala Lumpur dari 9 pagi hingga 2 petang yang mana Program Orientasi dan Pendaftaran akan berlangsung serentak. Walaupun

pendaftaran sesi bulan Januari akan berakhir pada 16 Februari, pendaftaran untuk program pascasiswazah (penyelidikan) adalah terbuka sepanjang tahun.

Anda juga boleh menghubungi talian bebas tol 1300 300 238 atau layari [www.aeu.edu.my](http://www.aeu.edu.my); facebook di [www.facebook.com/AsiaeUniversityFans](http://www.facebook.com/AsiaeUniversityFans); [twitter.com/asiaeuniversity](http://twitter.com/asiaeuniversity) serta [www.youtube.com/asiaeuniversity](http://www.youtube.com/asiaeuniversity)